



Reuben pilih PDRM

Oleh Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Teka-teki mengenai masa depan bekas pertahanan kebangsaan, K Reuben bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akhirnya terjawab apabila dia kini sah menyarung jersi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Reuben yang masih memiliki kontrak dengan ATM hingga penghujung musim ini, dilepaskan secara baik selepas kedua-dua pihak menyatakan persetujuan penamatan kontrak pemain itu.

Menurut bekas penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu, dia amat lega dengan keputusan itu dan berharap kehadiran PDRM bakal membawa lembaran baru dalam kariernya.

"Sepanjang tiga

musim bersama ATM banyak perkara yang saya belajar. Ia benar-benar mematangkan saya sebagai pemain profesional.

"Kalau boleh insiden hitam yang membelenggu saya di ATM akibat kecederaan dan masalah dalaman seperti kelewatan gaji tidak timbul lagi bersama pasukan baru.

"Saya harap PDRM dapat mengembalikan semula prestasi saya ke tahap terbaik sekali gus cuba mewakili semula skuad kebangsaan," katanya yang meraih cap pertamanya ketika aksi persahabatan bertemu Australia pada 2011 di bawah bimbingan Datuk K Rajagopal.

Sementara itu, buat pengendali The Cops, Fauzi Pilus kehadiran Reuben memberi ramuan tambahan buat pasukannya untuk menghadapi saingan musim ini.

"Kami sudah mendapat pelepasan Reuben daripada ATM dan dia terus memulakan latihannya selepas menandatangani kontrak setahun. Kami harap dia mampu mempertingkatkan kualiti skuad kami," katanya.

"Saya harap PDRM dapat mengembalikan semula prestasi saya ke tahap terbaik"
K Reuben